

06/12/1999

Perjanjian kontrak RM300 juta dimeterai

PAMERAN Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima '99) menyaksikan termeterainya kontrak aeroangkasa dan maritim bernilai sekurang-kurangnya RM300 juta, di antara kerajaan, firma tempatan dan syarikat antarabangsa.

Beberapa kontrak berkenaan ditandatangani pada satu majlis khas sempena pelancaran Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA) yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

SME Aerospace dan BAE Systems (penggabungan British Aerospace dan Marconi Electronic Systems) menandatangani perjanjian bagi pengeluaran komponen pesawat BAE Regional Jet bernilai kira-kira RM45 juta.

Syarikat akan menjadi pembekal tunggal alat ganti selama jangka hayat pesawat berkenaan yang dianggarkan selama 10 tahun.

Kontrak itu membabitkan pembekalan 54 pesawat membabitkan kos RM15.4 juta dijangka dapat diserahkan sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Semua bahan mentah, AGS, komponen lengkap dan lapisan luar pesawat akan dibekalkan BAE Systems.

SMEA juga menandatangani kontrak dengan syarikat Itali, Alenia Aerospazio untuk pembuatan bahagian bawah muncung pesawat keluaran Alenia.

Kerjasama perindustrian itu dijangka membabitkan kerja lebih rumit dan menyeluruh secara berperingkat pada masa depan membabitkan pelbagai bahagian pesawat keluaran Alenia Group.

ShinMaywa Aircraft Engineering Co. pula menandatangani kontrak dengan SMEA untuk membuat bahagian mesin bagi pesawat Boeing 757 and 767.

Kontrak itu dilihat sebagai satu lagi pencapaian menggalakkan bagi SMEA kerana ini adalah kali pertama pelbagai bahagian pesawat komersil Boeing akan dibuat oleh syarikat lain.

Sementara itu, Airod Sdn Bhd menyiapkan perjanjian dengan Kerajaan Malaysia untuk Program Meningkatkan Taraf pesawat Hercules C-130H.

Projek itu akan membabitkan kerja meningkatkan taraf sistem avionik dan badan pesawat, dengan beberapa pesawat Charlie itu menjadi pesawat tangki.

Composite Technologies Resources Malaysia Sdn Bhd menandatangani perjanjian untuk mengeluarkan kompomem sayap untuk pesawat komersil Airbus A300, dan beberapa pesawat keluarga Airbus lain termasuk cadangan A3XX.

Anak syarikat CTRM, Excelnet Sdn Bhd juga menjadi syarikat pertama dianugerahkan kontrak oleh BAE Systems bernilai RM5.4 juta.

(END)